

Bendung penipuan hingga kerugian cecah RM100 juta

HARIAN METRO 22/10/2019

Kuala Lumpur: Pertubuhan Mesra Pengguna Malaysia (PMPM) mendesak pihak berkuasa bekerjasama dengan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan media bagi membendung penipuan sindiket Macau Scam yang semakin menjadi-jadi sejak kebelakangan ini.

Timbalan Presiden PMPM Azlin Othman berkata, berdasarkan statistik Jabatan Siasatan Jenayah Komersial (JSJK) Polis Diraja Malaysia (PDRM), sebanyak 4,500 kes membabitkan kerugian lebih RM100 juta dilaporkan di negara ini sepanjang tahun lalu.

Menurutnya, jumlah kes itu cukup besar dan perlu dibendung bagi mengelak lebih ramai lagi mangsa di negara ini terpedaya dengan sindiket yang licik menjerat mangsa.

“Memang tidak dinafikan antara puncanya kerana masyarakat tidak peka terhadap kes penipuan membabitkan sindiket Macau Scam dan kurangnya pengetahuan mengenainya.

“Mangsanya tidak mengenali sesiapa pun terma-



“**Modus operandi sindiket itu dengan menyamar sebagai pegawai bank atau pegawai polis memaklumkan mangsa terbabit kes jenayah seperti penggubahan wang haram, tipu culik bagi meminta wang tebusan**”

Azlin Othman

suk kakitangan awam, pegawai kerajaan dan swasta dan paling membimbangkan ia turut membabitkan pesara, golongan profesional serta individu berjawatan tinggi,” katanya da-

lam satu kenyataan di sini, semalam.

Azlin berkata, kes terbaru membabitkan seorang pegawai kesihatan dan kerani yang masing-masing kerugian RM105,000 dan RM204,000 ditipu sindiket Macau Scam yang menyamar sebagai kakitangan Jabatan Audit Negara seharusnya perlu diberi perhatian.

“Modus operandi sindiket itu dengan menyamar sebagai pegawai bank atau pegawai polis memaklumkan mangsa terbabit kes jenayah seperti penggubahan wang haram, tipu culik bagi meminta wang tebusan dan pembabitkan dengan sindiket dadah.

“PMPM berharap usaha dapat dibuat bagi mengelak lebih ramai yang menjadi mangsa.

“Kita berharap masyarakat berhati-hati dan tidak mudah percaya dengan panggilan daripada individu tidak dikenali dan sebaiknya membuat semakan dengan balai polis berhampiran jika menerima panggilan memaklumkan terbabit kegiatan jenayah,” katanya.